



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

114 HADIAH BUAT UMAT

Tarikh Dibaca :

**13 RAMADAN 1443H/
15 APRIL 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



114 HADIAH BUAT UMAT

13 RAMADAN 1443H / 15 APRIL 2022

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيْمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنْذِرِينَ ۝ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٌ، أَمْرًا مِّنْ عِنْدِنَا إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ۝ رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ۝ اللّٰهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ۝ أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ
اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ۝

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khutbah akan membicarakan tajuk: “114 Hadiah Buat Umat”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan kendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Bersempena keberadaan kita dalam Bulan Ramadan ini, marilah kita mempertingkatkan amalan kita di samping bersama-sama bermunajat memohon doa kepada Allah SWT supaya dihindari daripada sebarang mudarat dan mara bahaya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seperti tidak percaya, kita sudah pun memasuki fasa kedua Ramadan. Fasa ini mengingatkan kita peristiwa Nuzul al-Quran yang merupakan peristiwa penurunan ayat pertama al-Quran daripada Allah SWT kepada Baginda Rasulullah SAW dan berterusan secara berperingkat selama 23 tahun. Al-Quran yang diturunkan secara berperingkat ini bermula sehingga lengkap sebagaimana Kitab al-Quran yang ada pada hari ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Dukhan, ayat 3 hingga 6 yang dibaca pada awal khutbah tadi yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar). Iaitu perkara-perkara yang terbitnya dari hikmat kebijaksanaan Kami; sesungguhnya telah menjadi adat Kami mengutus Rasul. (Untuk menyampaikan) rahmat dari Tuhanmu (kepada umat manusia); sesungguhnya Allah Jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.*

Sesungguhnya menerusi ayat ini, tidak diragui lagi bahwasanya al-Quran merupakan suatu mukjizat yang sangat mulia dan dipelihara Allah SWT mengandungi pelbagai hikmah dan panduan bagi sekalian umat manusia.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menurut al-Syahid Hasan al-Banna, “Al-Quran al-Karim merupakan sebuah perlumbagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Al-Quran merupakan sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati yang beriman. Al-Quran adalah alat yang terbaik untuk para ahli ibadat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan cara membacanya. Mukjizat agung ini juga terpelihara kemuliaannya seperti mana firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحَفِظُونَ ۚ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jika berbicara tentang keajaiban al-Quran, tentulah tidak cukup lembaran kertas, tidak terungkap pada lisan akan keajaibannya. Salah satunya, sebagaimana kata Dr Yusuf al-Qaradhwai bahawa ayat al-Quran boleh dihafaz oleh semua orang sama ada lelaki, perempuan atau kanak-kanak. Inilah istimewanya yang tiada pada mana-mana kitab.

Laporan sebuah kajian dalam Persidangan Perubatan Islam Amerika Utara pada tahun 1984, disebutkan, al-Quran terbukti mampu mendatangkan ketenangan sehingga 97% bagi mereka yang mendengarkannya. Hasil kajian tersebut diperkuatkan lagi oleh kajian yang diterbitkan Universiti Boston. Sasaran kajiannya terhadap 5 orang sukarelawan yang terdiri dari 3 lelaki dan 2 wanita. Kelima orang tersebut sama sekali tidak mahir berbahasa Arab dan mereka tidak diberitahu bahawa yang akan diperdengarkan adalah al-Quran.

Kesimpulan daripada kajian itu, responden mendapatkan ketenangan ketika mendengarkan bacaan al-Quran sehingga 65%. Ya, benar! Walaupun al-Quran tidak memerlukan apa-apa kajian sains untuk membuktikannya tetapi secara faktanya, apa sahaja bentuk pengujian sama ada kualiti bahasanya, sasteranya, sains, sejarah semuanya tidak dapat menandingi keagungan mukjizat al-Quran.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, bersempena bulan yang mulia ini, marilah sama-sama mengambil kesempatan dengan memperbanyakkan amalan soleh dan bacaan al-Quran, bertadarus, menghadiri majlis-majlis tadabbur al-Quran supaya hati kita sentiasa melekat dengan al-Quran. Hanya al-Quran sahajalah penyelamat kehidupan kita.

Hayatilah kemuliaan al-Quran dengan istiqamah melazimi bacaannya setiap masa. Ambil ruang dan masa untuk membaca al-Quran walau sesibuk mana pun. Bacalah dengan bacaan yang terbaik dengan menepati hukum-hakam bacaannya. Sekiranya kita masih belum mahir, jangan segan dan malu untuk mempelajarinya. Apabila mampu membaca dengan baik, bertadabburlah memahami isi kadungannya dan amalkanlah segala yang terkandung di dalamnya. Berdampinglah dengan al-Quran kerana ia akan menjadi syafaat pada hari akhirat kelak seperti mana sabda Rasulullah SAW, daripada Abi Umamah RA:

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: “Bacalah al-Quran, maka sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat nanti memberi syafaat kepada pembacanya”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulannya, saya ingin menitipkan beberapa nasihat sebagai pedoman kita bersama:

Pertama: Peristiwa Nuzul al-Quran merupakan salah satu peristiwa agung yang menunjukkan keagungan dan kekuasaan Allah SWT.

Kedua: Sebagai orang yang beriman, taklifan beriman dengan al-Quran merupakan kewajipan kita bersama untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Ketiga: Bersempena Bulan Ramadan al-Mubarak ini, ambillah kesempatan dengan memperbanyak amalan soleh dan bacaan al-Quran, bertadarus, menghadiri majlis-majlis tadabbur al-Quran supaya hati kita sentiasa bersama al-Quran.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Waq'iah ayat 77 – 78:

إِنَّهُ وَلَقْرُءَانٌ كَرِيمٌ ۝ فِي كِتَابٍ مَكْنُونٍ ۝

Maksudnya: “Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah al-Quran yang mulia (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan). Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى
 النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۝
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا
 مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوَانِ اكْنُوْغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللَّهِ شَاهُ بْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ أَحْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللَّهِ.
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَا يُوسُورِي اكْنُوْغُ، تُونِكُو
 حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بَنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتُوكِلُ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانُ
 إِسْكَنْدَرُ الْحَاجُ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقَضَاهُهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.